

RRI SEBAGAI SATU AGEN PERUBAHAN KERAJAAN
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG BUKIT CHERAKA

RRI SEBAGAI SATU AGEN PERUBAHAN KERAJAAN

SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG BUKIT CHERAKA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
DISEMBER 1978

RRI SEBAGAI SATU AGEN PERUBAHAN KERAJAAN
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG BUKIT CHERAKA

Penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada orang-orang berikut kerana pertolongan mereka dalam banyak hal sehingga membolehkan Kertas Projek ini dapat disiapkan.

Kepada Dr. Rokiah Talib, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, KERTAS PROJEK AL 390
serta memberi bimbingan banyak masa menyelia
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH

Kepada SARJANA MUDA SASTERA DAN SAINS SOSIAL, dan juga Ketua
Bahagian Projek dan Penyelidikan RRI yang telah memberi penjelasan-
penjelasan.

Kepada Encik Choo Pool Sang, Peminta Penyelidik Projek RRI
yang telah berusaha payah membawa pengkaji ke tempat projek di Bukit
Cheraka, Jeram, Kuala Selangor dan telah memberi segala penerangan yang
berkaitan dengan projek ini.

Kepada Encik Ismail bin Hassan Raji, Pakebun Kecil yang menjalan-
kan Projek Memelihara Ayam ini yang telah banyak memberi pertolongan ke-
pada pengkaji dalam membuat kajian ini. Oleh

Kepada pegawai Ishak bin Haji Wahab yang menggalakkan pengkaji
dalam kajian ini dan Puan No. Metrik: 028355
yang telah menaip Kertas Projek ini.

Alhamdulillah kepada Encik J.C. Rajarao, Ketua Bahagian Penerbitan
Penerangan dan Perpustakaan atas segala pertolongan dan juga kepada
kakitangan Foto Unit yang telah menyiapkan gambar-gambar Projek Ayam ini.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

1978.

KUALA LUMPUR

DISEMBER 1978

PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada orang-orang berikut kerana pertolongan mereka dalam banyak hal sehingga membolehkan Kertas Projek ini dapat disiapkan.

SENARAI DAFTAR

Kepada Dr. Rokiah Talib, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang telah menghabiskan banyak masa menyelia serta memberi bimbingan dan petunjuk yang berguna.

Kepada Encik Abu Asmara, Pegawai Penyelidik RRI dan juga Ketua Bahagian Projek dan Penyelidikan RRI yang telah memberi penjelasan-penjelasan.

Kepada Encik Choo Pooi Seng, Pembantu Penyelidik Projek RRI yang telah bersusah payah membawa pengkaji ke tempat projek di Bukit Cheraka, Jeram, Kuala Selangor dan telah memberi segala penerangan yang berkait dengan projek ini.

Kepada Encik Ismail bin Hasan Raji, Pekebun Kecil yang menjalankan Projek Memelihara Ayam ini yang telah banyak memberi pertolongan kepada pengkaji dalam membuat kajian ini.

Kepada pegawai-pegawai RRI yang telah menggalakkan pengkaji dalam kajian ini dan penghargaan khusus kepada Puan Salwah Mohd Damin yang telah menaip Kertas Projek ini.

Akhir sekali kepada Encik J.C. Rajarao, Ketua Bahagian Penerbitan, Penerangan dan Perpustakaan atas segala pertolongan dan juga kepada kakitangan Foto Unit yang telah menyiapkan gambar-gambar Projek Ayam ini.

Program Pembangunan Rawatan Manusia

III PROJEK RRI BUKIT CHERAKA

Pendahuluan

Latarbelakang Tempat

Dasar Pemilihan Pekebun Kecil Untuk Projek

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

1978.

Metode Perkebunan Campuran (Mixed Farming)

Cara Memernak Ayam

	KANDUNGAN	31
	Suntikan	31
	Tempat Tinggal	31
	Makanan	31
	Umar Ayam 3 Minggu Hingga Tarikh Jualan	32
PENGHARGAAN	Suntikan	i
	Tempat Tinggal	32
SENARAI DAFTAR	Maklumat	iv
	Jualan	33
BAB	Tahi Ayam	34
	Bantuan Teknikal Oleh Pegawai RRI	34
I PENDAHULUAN	Pekebun Kecil Terbelas Projek	1
	Inisiatif Pekebun Kecil	35
	Peranan Getah Asli Dalam Pembangunan Negara Malaysia	1
	Tujuan Kajian	3
	Metode Kajian	4
	Masaalah Kajian	6
	Latarbelakang Tempat Kajian	7
II PERUBAHAN DAN PERANAN RRI		9
	Perubahan	9
	Konsep Perubahan	10
	Peranan Bahagian Projek dan Penyelidikan Pekebun Kecil	18
	Amalan Kebun	19
	Projek-projek Tanaman-selingan	19
	Projek-projek Perkebunan Campuran	20
	Projek-projek Agronomi	20
	Projek-projek Eksploitasi	21
	Pembangunan Kawasan	21
	Program Meningkatkan Pendapatan	22
	Pembaikan Program Perkhidmatan	23
	Program Pembangunan Rawatan Manusia	23
III PROJEK RRI BUKIT CHERAKA		25
	Pendahuluan	25
	Latarbelakang Tempat	25
	Dasar Pemilihan Pekebun Kecil Untuk Projek	26
	Projek Menternak Ayam	27
	Konsep Perkebunan Campuran (Mixed Farming)	28
	Cara Menternak Ayam	28

Umur Anak Ayam 1-3 Minggu	31
Suntikan	31
Tempat Tinggal	31
Makanan	32
Umur Ayam 3 Minggu Hingga Tarikh Jualan	32
Suntikan	32
Tempat Tinggal	32
Makanan	33
Jualan	33
Tahi Ayam	34
Bantuan Teknikal Oleh Pegawai RRI	34
Sikap Pekebun Kecil Terhadap Projek	35
Inisiatif Pekebun Kecil	35
Masalah Yang Di Alami Oleh Pekebun Kecil	36
Sikap Orang-orang Kampung	36
Sikap Orang-orang Dari Luar Kampung	38
Pendapat Encik Ismail Mengenai Projek Ayam	38
Lain-lain Hal	39
IV KESIMPULAN	42
Agen Perubahan	42
Sejauh Manakah Kejayaan?	44
Syur-syur	45
GAMBAR-GAMBAR PROJEK AYAM	50-54

APPENDIX

I. Gred-gred Getah Di Malaysia

BIBLIOGRAFI

BAB I

SENARAI DAFTAR

Halaman

DAFTAR 1.	Kos, Modal, Wang Jualan dan Untung Bersih Projek Ayam Encik Ismail	30
-----------	---	----

DAFTAR 2.	Kos dan Keuntungan Pemeliharaan Ayam Oleh Encik Ismail	40
-----------	---	----

BAB I

PENDAHULUAN

Peranan Getah Asli Dalam Pembangunan Negara Malaysia

Pengeluaran getah asli menyamai satu pertiga ($\frac{1}{3}$) pengeluaran getah dunia; dari penghasilan getah ini 85% datang dari kawasan Asia Tenggara. Jumlah pengeluaran getah Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 47% dari output getah asli dunia dalam tahun 1977 (Economic Report 1977/78:94). Pengeluaran getah dalam tahun 1977 dijangka akan mencapai kira-kira 1.74 juta tan (+ 6% melebihi 1976) (Economic Report 1977/78:94).

Dalam sepuluh tahun kebelakangan ini, perusahaan getah asli telah mengambil langkah menjalankan rancangan-rancangan modenisasi secara menyeluruh. Antaranya ialah menghasilkan benih-benih yang dapat mengeluarkan hasil yang lebih, memendekkan kematangan pokok getah kepada empat tahun, teknik-teknik penggalakan susu, dan kemajuan susu dalam perincian teknik.

Jika pada suatu masa dahulu getah asli mengalami persaingan hebat dari getah tiruan, sekarang keadaan ini telah berubah. Di masa-masa hadapan getah asli dan getah tiruan, perlu menuju ke arah satu keadaan saling sandar menyandar kerana dunia perlukan kedua-dua bahan ini.

Keadaan pengeluaran getah asli 100 tahun akan datang akan berubah. Penanaman getah asli akan dijalankan di kebun-kebun kecil yang disatukan supaya dapat dikerjakan oleh pekerja-pekerja, manakala pengurusan

akan dikendalikan oleh anggota pengurusan yang berkelayakan.

Kini Kerajaan melalui RISDA sedang membuka permohonan dari pekebun-pekebun kecil getah untuk menanam semula getah di kebun-kebun kecil mereka. Rancangan penanaman getah kali ini dibuka secara besar-besaran dan disiarkan melalui radio dan television.

Badan penyelidikan seperti Pusat Penyelidikan Getah telah menjalankan berbagai-bagai penyelidikan untuk masa hadapan getah asli. Benih-benih yang dapat menghasilkan 300 kg sehektar setahun akan dibekalkan oleh satu unit pusat yang mempunyai tapak-tapak semaian mengandungi benih-benih pilihan. Rancangan-rancangan membaja dan tanaman selingan juga dijalankan. Biji getah akan diproses untuk mengeluarkan minyak. Tanaman semula pula akan dikerjakan tiap duapuluh tahun sekali dan kayu getah akan digunakan untuk membuat perabut, dinding dan lantai, serta untuk kertas dan perusahaan bungkusan.

Sistem torehan juga akan diperbaharui di mana setiap pekerja dapat menoreh lebih seribu batang pokok tiap peruntukan torehan. Susu getah akan ditadahkan ke dalam kampak plastik dan diambil sebulan sekali. Sistem-sistem yang dicadangkan ini dijangka akan dapat memperbanyakkan pengeluaran getah negara dan juga menjimatkan tenaga boroh serta memudahkan kerja. Sistem ini telah pun diamalkan di Sabah kerana di sana terdapatnya kekurangan tenaga boroh dan kurangnya kecekapan dalam penorehan getah. Bagaimanapun, di Malaysia Barat, penyelidikan mengenai perkara ini telah tidak diteruskan dengan sepenuhnya dan dibekukan kerana wujudnya tekanan dari NUPW (National Union of Plantation Workers) yang menekankan bahawa

sistem-sistem ini akan menyebabkan wujudnya nanti pengangguran di kalangan penoreh-penoreh getah ladang. Rencana juga telah dibuat untuk mengwujudkan satu gred getah sahaja iaitu Getah Mutu Asli (Standard Natural Rubber). Buat masa ini, kualiti terbaik getah Malaysia ialah getah SMR (Standard Malaysia Rubber). Getah SMR ini adalah 'technically specified rubber' dan dijamin kualitinya oleh pengeluar-pengeluar getah SMR Malaysia. (Appendix).

Sistem pemasaran akan dipusatkan dengan perkhidmatan teknik diberi sebelum dan selepas penjualan kepada pengguna dan satu stok penimbal antarabangsa akan diadakan menstabilkan harga getah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini selain untuk memenuhi keperluan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, ia adalah diharapkan akan dapat menolong pengkaji sendiri dalam tugasnya yang akan datang sebagai kakitangan Pusat Penyelidikan Getah (RRI - Rubber Research Institute). Kajian ini juga diharap akan dapat menyingkap masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah khususnya mereka yang akan mengikuti projek-projek yang dikelolakan oleh Bahagian Projek dan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia. Selain dari ini tujuan kajian juga adalah untuk membuktikan bahawa projek seperti projek memelihara ayam dalam kebun kecil dapat membantu kehidupan pekebun kecil getah semasa pokok getahnya belum dewasa.

Melalui kajian ini pengkaji dapat mengalami sendiri betapa payahnya hidup seorang pekebun kecil getah itu dan bagaimana RRI cuba menjadi agen perubahan (khususnya Bahagian Projek dan Penyelidikan Pekebun

Kecil) untuk mengubah nasib pekebun kecil itu. Melalui pembaharuan-pembaharuan dan percubaan-percubaan RRI cuba mempelbagaikan sumber pendapatan mereka dengan berbagai-bagai projek seperti tanaman kontan, pemeliharaan ayam pemeliharaan kambing dan sebagainya. Dalam kajian saya ini, saya telah memilih projek pemeliharaan ayam dalam kebun kecil getah untuk menambah pendapatan pekebun semasa pokok getah sedang membesar.

RRI hanya bertindak sebagai satu badan penyelidik yang menjalankan percubaan. Di dalam konteks kajian ini, RRI telah cuba mengelolakan satu projek memelihara ayam di dalam kebun getah Encik Ismail bin Hasan Raji. Objektif RRI ialah untuk menunjukkan bahawa memelihara ayam dalam kebun getah secara sekil perdagangan dapat menguntungkan pekebun kecil getah, terutama sekali semasa pokok getahnya belum ditoreh. RRI telah menampung segala perbelanjaan pada peringkat permulaan dan juga telah memberikan segala bantuan teknik dan nasihat untuk menjayakan projek ini. Di dalam bab projek kajian akan diterangkan dengan lebih lanjut mengenai objektif RRI.

Metode Kajian

Untuk kajian ini saya telah mencampurkan pendekatan Antropologi dan Sosiologi. Data-data saya perolehi dari pejabat saya sendiri iaitu RRI, dan saya juga telah menjalankan satu 'case study' di Kampung Bukit Cheraka, Jeram, Kuala Selangor di mana RRI ada menjalankan satu projek pemeliharaan ayam dalam kebun getah seorang pekebun kecil bernama Encik Ismail bin Hasan Raji. Berikut ini saya sebutkan secara ringkas cara-cara saya lakukan untuk mendapatkan data-data tersebut:

(a) Pertama sekali saya telah menemui pengawai-pegawai

(e) RRI untuk meminta kebenaran dan nasihat mengenai kajian saya ini. Mereka telah memberikan garis-garis panduan dan Ketua Bahagian Projek telah memberikan saya memo untuk diberikan kepada pegawai

projek yang mengelolakan projek memelihara ayam ini

di Bukit Cheraka itu. Pengkaji telah dinasihat-

(b) Saya telah mengambil berbagai-bagai makalah, buku-

buku, kertas-kertas seminar dan sebagainya dari satu

Pejabat RRI. Saya juga telah membaca tesis-tesis beberapa jawi

pegawai-pegawai RRI di Perpustakaan RRI.

(c) Saya telah pergi ke Sungai Buloh untuk menemui

pegawai projek yang mengelolakan Projek Memelihara

Ayam Bukit Cheraka itu dan kami telah pergi ke Bahagian

tempat projek tersebut. Saya telah diperkenalkan

dengan Encik Ismail bin Hasan Raji dan dari beliau-

lah saya mendapat 'first-hand information' mengenai

projek ayam ini.

(d) Pengkaji telah menemu-duga responden pertama i.e.

Encik Ismail bin Hasan Raji - pekebun getah yang

menjalankan projek memelihara ayam itu. Di samping

ini, pengkaji juga telah menemu-duga jiran-jiran

(a) untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan

yang berkenaan tidak dapat memberikan kenyataan

mereka tentang projek memelihara ayam ini.

(e) Akhirnya pengkaji telah menggunakan lapuran

lapuran pegawai-pegawai berkenaan dari Pejabat

RRI, Ibupejabat Kuala Lumpur dan Pejabat Sungai

Buloh.

Oleh kerana pengkaji hanya mengkaji satu projek contoh ini

sahaja maka tidak dapatlah dibuat perbandingan. Pengkaji telah dinasihatkan oleh Ketua Bahagian Projek untuk membuat kajian di Projek Memelihara Ayam, Bukit Cheraka kerana memandangkan bahawa projek ini adalah satu projek yang telah berjaya. Tempat projek ini juga adalah tidak berapa jauh dari Kuala Lumpur dan memudahkan pengkaji untuk pergi ke sana. Pegawai projek lain ada juga mencadangkan kajian satu projek besar yang sedang dijalankan oleh RRI di Segamat, Johor. Tetapi memandangkan tempatnya sangat jauh dan projek itu terlalu luas dan tambahan pula Ketua Bahagian Projek sendiri telah mencadangkan Projek Bukit Cheraka ini maka pengkaji telah memilih Projek Bukit Cheraka ini. Buat masa ini, Projek Bukit Cheraka ini adalah masih diawasi oleh RRI dan di dalam Selangor ia dapat dikatakan sebagai satu projek yang telah berjaya.

Masaaalah Kajian

Beberapa masaaalah yang ditemui semasa menjalankan kajian ini adalah disebutkan dibawah ini. Bagaimanapun, ia tidaklah merupakan masaaalah besar:

(a) Satu masaaalah yang dialami ialah pekebun kecil

yang berkenaan tidak dapat memberikan kenyataan

kenyataan dengan tepat - seperti ia tidak berapa yakin dan selalu mengulang-ulang pendapatnya.

Mungkin kerana ia tiada berpendidikan tinggi.

(b) Kurangnya rujukan-rujukan mengenai kajian sosio-ekonomi tentang pekebun kecil getah yang dilakukan oleh RRI sendiri. Kebanyakan bahan rujukan adalah bersifat teknikal dan saintifik.

(c) Semasa menjalankan kajian pengkaji bermalam di rumah Tok Sidang, Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor. Dari sini ke tempat kajian adalah sejauh lebih kurang 16 batu dan terpaksa menyeberang Sungai Kuala Selangor dengan feri. Menyeberang sungai dengan feri ini adalah suatu hal yang membosankan kerana terpaksa menunggu feri datang dan terpaksa pula mengikut giliran masing-masing. Bagaimanapun, jambatan sedang dalam pembinaan dan pengkaji-pengkaji yang akan datang tidak lagi terpaksa berulang-alik dengan feri ini.

Latarbelakang Tempat Kajian

Tempat yang dikaji ini terletak di Kampung Bukit Cheraka, Jeram, Kuala Selangor. Kampung ini adalah terletak lebihkurang 7 batu dari pekan Jeram yang terletak di antara Kelang dan Kuala Selangor.

Kampung Bukit Cheraka ini mengandungi kira-kira 400 buah rumah.

Kajian projek pengkaji ialah terletak dalam kawasan kebun Encik Ismail

bin Hasan Raji. Inilah satu-satunya projek memelihara ayam yang dikelolakan oleh RRI dalam kampung ini. Encik Ismail terpilih mengikuti projek ini atas sebab-sebab pribadi iaitu beliau telah dikenali oleh pegawai projek dan telah pernah mengikuti projek tanaman kontan RRI sebelum ini. Kebun getah beliau juga telah dijadikan kebun contoh oleh RRI.

Jalan raya ke kampung ini masih lagi tanah merah kira-kira separuh perjalanan dan yang seterusnya sehingga ke jalan besar (Jeram) adalah jalan tar. Unsur-unsur moden telah pun dinikmati oleh separuh dari penduduk kampung ini - misalnya mereka telah mendapat bekalan letrik (separuh kampung) dan paip air JKR. Rumah Encik Ismail sendiri belum lagi masuk letrik. Beliau menjangkakan bekalan letrik ke rumahnya akan sampai dalam tahun 1979 nanti. Kampung ini mempunyai sebuah sekolah rendah dan sebuah klinik kerajaan.

Kampung ini asalnya ialah tanah kerajaan yang telah diberikan kepada orang-orang Melayu. Masing-masing mendapat tanah seluas 3 ekar seorang. Ada yang menanam kebunnya dengan pokok getah dan ada pula yang menanam kelapa sawit. Menurut Encik Ismail kampung itu dahulunya ialah tahun lesen (TOL atau temporary occupation land) dan kini telah pun mendapat geran masing-masing. Jauh ke pendalaman masih terdapat lagi banyak kampung-kampung Melayu yang juga asalnya dari tanah pemberian Kerajaan melalui Rancangan Tanah Pinggir.

¹ Bennis, Bennis and Chin (ed), Planning of Change, Holt and Rinehart & Winston Inc., 1969, muka surat 33.

BAB II

PERUBAHAN DAN PERANAN RRI

Konsep Perubahan

Perubahan

Perubahan mempunyai berbagai-bagai definisi. Robert Nisbet dalam bukunya 'Social Change' mengatakan, "Change is a succession of differences in time in a persisting identity".¹ Ini ditambahkan lagi sikap, nilai dan sebagainya dan adakah perubahan ini akan dapat dipertahankan seterusnya. Agen perubahan yang dimaksudkan dalam kajian ialah RRI. Di sini RRI bertindak atau bersifat sebagai satu badan yang cuba membawa perubahan terhadap pekebun-pekebun kecil getah. Jadi keseluruhan dan kesimpulan kajian ini nanti diharapkan dapat memperlihatkan reaksi pekebun kecil getah terhadap inovasi dan perubahan dan apakah perubahan ini kekal atau hanya wujud semasa adanya pemerhatian dan kawalan pegawai-pegawai agen perubahan itu?

Perubahan dalam erti kata yang sebenarnya di negara kita ini ialah dalam bentuk 'Perubahan Berancang' yang mengikut Bennis, Benne dan Chin adalah satu perubahan sosial yang, "... conscious, deliberate and intended at least on the part of one or more agents related to the change attempts".¹ Mereka juga berpendapat, strategi bertindak telah bertukar daripada "ideological form to technical one. The shift has been from, 'should we seek to plan change' to 'how to plan particular change

¹ Bennis, Benne and Chin (ed), Planning of Change, Holt and Rinehart & Winston Inc., 1969, muka surat 33.

for particular people in particular setting".² Di Malaysia, kerajaan menjalankan perubahan berancang seperti yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Bagaimanapun, pekebun-pekebun kecil getah masih tetap dengan keadaan lama mereka.

Konsep Perubahan

Perubahan mempunyai berbagai-bagai definisi. Robert Nisbet dalam bukunya 'Social Change' mengatakan, "Change is a succession of differences in time in a persisting identity".³ Ini ditambahnya lagi dengan mengatakan, "Observation of difference, or differences, is the beginning of all awareness of change".⁴ Wilbert E. Moore pula dalam bukunya 'Organization and Change' mengatakan bahawa, "Change is a producer of tensions and uncertainty but also a reliever of them".⁵ Seterusnya, Kingsley Davis pula mengatakan bahawa, "By 'social change' is meant only such alterations as occur in social organization--that is, the structure and functions of society."⁶

Kalau kita pandang dari definisi-definisi di atas maka nyatalah bahawa 'change' atau perubahan ini sememangnya dapat kita katakan boleh

²Ibid, muka surat 13.

³Robert Nisbet, Social Change, Oxford University Press, New York, 1972, muka surat 15.

⁴Ibid, muka surat 16.

⁵Wilbert E. Moore, Organization and Change, Prentice-Hall of India (Private) Ltd., New Delhi, 1965, muka surat 71, meliputi 2.5 juta

⁶Kingsley Davis, Human Society, Collier-Macmillan International Editions, New York, 1967, muka surat 622.

mengwujudkan masaaalah-masaaalah baru yang mungkin memberi kesukaran tetapi sebaliknya ia mungkin pula mendatangkan kesenangan. Tiap-tiap sesuatu yang berada di dunia nyata ini akan mengalami perubahan. Hanya ALLAH sahaja yang kekal tidak berubah. Pada hakikatnya perubahan berlaku setiap masa kepada yang bersifat sebagai makhluk. Begitu juga masyarakat, tetap mengalami perubahan dan perubahan-perubahan ini akan menjadikan masyarakat itu membangun atau musnah.

Setelah 21 tahun merdeka negara kita telah banyak melalui perubahan-perubahan dan dengan perubahan-perubahan ini masyarakat kita juga turut berubah. Perubahan-perubahan sosial dapat kita lihat di segala aspek baik aspek politik, ekonomi dan sosial. Penumpuan kepada sains dan teknologi di zaman moden ini banyak sekali mempengaruhi segala aspek hidup masyarakat kita hari ini. Perkembangan kerohanian telah diabaikan hinggalah ramai rakyat yang telah terikut-ikut dengan berbagai-bagai aktiviti yang melanggar hukum adat dan hukum agama dan juga undang-undang negara. Kalau kita tidak menseimbangkan kehendak-kehendak dunia dan ALLAH maka kita tidak akan menikmati ketenangan jiwa dan hidup yang sempurna.

Pengkaji hanya menumpukan skop perubahan yang berlaku di kalangan pekebun kecil getah sahaja. Sebanyak 67% dari tanah yang ditanam dengan getah di Malaysia adalah dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil getah ini mengeluarkan 57% dari getah yang diekspotkan. Terdapat 450 000 pekebun-pekebun kecil di negara ini, meliputi 2.5 juta dari jumlah 12 juta penduduk negara ini (B.C. Sekhar: 1977). Nyatalah jika kita hendakkan kemajuan sosio-ekonomi dalam negara, pekebun-pekebun


kecil getah mestilah dimajukan. Boleh juga dikatakan bahawa kebajikan pekebun-pekebun kecil di negara ini akan menjadi satu ukuran yang realistik tentang kemajuan negara dalam perkembangan sosio-ekonomi kebangsaan. Tiap-tiap sektor kegiatan ekonomi kita adalah dipengaruhi oleh pasaran getah yang tidak stabil, pengeluaran kebangsaan dan penghasilannya. Hanya keyakinan yang berterusan dari pekebun-pekebun kecil kepada getah asli, dengan tidak mengira harga dunia yang senantiasa turun-naik, yang telah membolehkan Malaysia menjadi pembekal yang teragung sekali dalam bahan ini. Jumlah pengeluaran getah Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 47% dari jumlah output getah asli dunia dalam tahun 1977 (Economic Report 1977/78:94). Jika tidak dengan adanya keyakinan pekebun-pekebun kecil yang berterusan ini, kawasan pertanian yang ditanam dengan getah akan banyak berkurangan dan ditempatnya ditanam dengan kelapa sawit dan lain-lain tanaman. Dengan tidak adanya bekalan getah asli Malaysia yang meningkat, kita tidak dapat bersaing dengan getah tiruan. Persaingan di antara getah asli dan getah tiruan berasaskan kepada pembekalan, mutu dan harga. Jika tidak ada bekalan getah asli yang meningkat, sudah tentu pasaran getah dunia akan lebih banyak lagi dibolot oleh getah tiruan. Keteguhan getah asli di pasaran dunia hari ini bergantung kepada keyakinan dan usaha sektor pekebun kecil Malaysia. Ringkasnya pekebun kecil getah adalah teras ekonomi negara. Di muka berikut diberikan rajah pengeluaran sektor pekebun kecil.

Perkara yang penting untuk kemajuan pekebun-pekebun kecil getah ialah kebolehan mereka untuk menyelenggara dan menerima kemajuan-kemajuan

dan penemuan-penemuan baru. Dengan kata lain kesediaan mereka untuk menerima perubahan yang dimajukan oleh agen perubahan seperti RRI.

Pernah dikatakan secara teoretikal bahawa sesiapa yang ada kemahuan untuk berubah akan menikmati faedah. Sikap manusia adalah sebenarnya rasional terhadap perubahan sekiranya mereka menyedari bahawa perubahan itu akan memberi atau mendatangkan faedah kepada mereka. Oleh itu faedah (reward) yang dijangka akan didapati itu akan menjadi pendorong atau penggalak (stimulant) bagi satu-satu perubahan baru. Manusia yang rasional adalah manusia yang berpelajaran, sekurang-kurangnya pelajaran asas yang membolehkan mereka membaca dan menulis. Apabila manusia ini sedar tentang faedah yang akan didapati melalui perubahan itu mereka akan mempunyai inisiatif untuk bergerak dan bertindak melakukan perubahan-perubahan itu.

Kalau kita lihat dari sudut Sejarah, kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu dengan jelas membawa dua perubahan besar. Pertama, Inggeris membawa perubahan ekonomi iaitu dari ekonomi secukup hidup kepada ekonomi perdagangan dan eksport. Kedua, Inggeris mengujudkan sistem perundangan baru. Perubahan kepada sistem ekonomi tidak banyak memberi kesan kepada pemikiran orang-orang Melayu. Kita dapati apabila diperkenalkan sistem pelajaran baharulah dapat dikatakan memberi kesan kepada pemikiran orang-orang Melayu. Kita hari ini adalah menyambung perubahan yang telah diujudkan oleh Inggeris itu. Perusahaan penanaman getah adalah satu dari perubahan ekonomi yang dibawa oleh British dan selepas merdeka kita mewarisi aktiviti ekonomi kolonial ini. Kalau kita pandang sejarah pertumbuhan industri penanaman getah, banyak perubahan yang membawa kemajuan telah dicapai. Namun begitu, sektor



Dipetik dari B.C. Sekhar, Pekebun Kecil - Persatuan Sebagai Saluran untuk Kemajuan, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.

pekebun-pekebun kecil getah yang dianggap banyak menyumbang kepada ekonomi negara dan keteguhan perusahaan getah asli masih lagi dianggap sebagai kumpulan miskin yang terbesar. Kenapakah ini berlaku?

Menurut B.C. Sekhar, "Masaalah-masaalah sektor pekebun kecil terbitnya dari kebun-kebun kecil yang luasnya kebanyakan di bawah lima ekar. Kebun-kebun kecil ini juga didapati berserakan. Masaalah kebun kecil yang tidak ekonomik ini diburukkan lagi dengan terdapatnya tuan tanah yang menyewakan tanah dan juga dengan adanya sistem 'bagi dua'. Kesemuanya ini menghalang modenisasi yang mengakibatkan kepada pengeluaran yang rendah mutu dan hasil yang tidak memuaskan. Selanjutnya pemindahan belia-belia luarbandar ke kawasan bandar membuatkan kebun-kebun ini ditinggalkan kepada ibu bapa yang tua untuk dikerjakan dan mereka sebaliknya terpaksa mengupah buruh untuk menoreh kebun-kebun ini. Akibat dari semua ini adalah:-

- (a) Tanam semula yang terbantut. Pada hari ini lebih daripada 35% kebun-kebun kecil adalah ditanam dengan benih yang tidak terpilih.
 - (b) Kekurangan modal dan kredit menghalang penggunaan pertanian cara moden yang selanjutnya mengurangkan pengeluaran.
 - (c) Ketidak-sanggupan untuk menerima cara-cara memproses moden. Ini merendahkan mutu pengeluaran dan akhirnya mengurangkan hasil yang diterima. Kebanyakan dari
- B.C. Sekhar, Pekebun Kecil - Persatuan Sebagai Saluran untuk Kemajuan, London, 1977.

- (d) Ketiadaan sistem pemasaran yang tersusun, mengakibatkan pekebun-pekebun kecil tidak dapat menawar dengan itu mengalami kerugian dalam timbangan, mutu dan lain-lain."⁷

Dengan menyedari wujudnya masalaah-masalaah seperti yang tersebut diatas maka Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi seperti berikut:-

- (1) RISDA - Matlamat RISDA secara keseluruhannya ialah untuk menyampaikan dan melaksanakan segala penemuan-penemuan dan pemodenan yang telah diselidiki oleh RRI kepada sektor pekebun kecil. Di samping itu RISDA juga membantu pekebun-pekebun kecil dari segi nasihat teknikal mengenai segala aspek getah, memberi bantuan kewangan untuk tanam semula getah dan sebagainya.
- (2) MARDEC - MARDEC ditubuhkan supaya dapat mengeluarkan getah pekebun-pekebun kecil dalam bentuk yang dapat bertanding dalam pasaran getah antarabangsa iaitu getah SMR. Oleh itu, MARDEC membeli susu getah dari pekebun-pekebun kecil dan memproses dan memasarkan getah ini. Dengan demikian ia dapat meninggikan kualiti getah dan seterusnya menaikkan harga getah pekebun kecil. MARDEC mendirikan kilang-kilang lagi getah SMR untuk pekebun-pekebun kecil dan ini juga memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka.

⁷B.C. Sekhar, Pekebun Kecil - Persatuan Sebagai Saluran untuk Kemajuan, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.

(3) FELCRA - Ia ditubuhkan untuk menyelenggarakan rancangan-rancangan tanah pinggir yang tidak berjaya dan juga menyatukan dan menghidupkan semula kebun-kebun kecil. Tanah-tanah yang berhampiran dengan kampung-kampung dibuka dimana peserta-peserta rancangan ini dipilih dari penduduk-penduduk berdekatan.

Melalui agensi-agensi diatas kemajuan-kemajuan yang berkesan telah pun dicapai dari semua lapangan. Kebun-kebun kecil di Malaysia mempunyai pengeluaran kebangsaan hitung panjang lebih dari 800 paun seekar setahun sementara di negara-negara jiran pengeluarannya kurang dari 300 paun setahun. Harga-harga yang diperolehi oleh pekebun kecil di Malaysia merupakan 65% - 70% dari harga dunia, sementara di lain-lain negara harganya kurang dari 35% (B.C. Sekhar: 1977).

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) telah menubuhkan 14 buah kilang SMR yang mempunyai jumlah keupayaan memproses sebanyak 145 300 tan setahun untuk memproses susu getah dan getah perca yang dibeli dari pekebun-pekebun kecil untuk dijadikan getah SMR (RMT: 1976:342). MARDEC pada hari ini memproses 120 ribu tan getah pekebun kecil setahun di kilang-kilang pusatnya. Kebanyakan dari getah ini terdapat di pasaran dunia sebagai barangan premium. Di bawah RMT, MARDEC akan meluaskan lagi kegiatannya dan boleh bertanggungjawab untuk memproses lebih dari 350 ribu tan getah setahun (B.C. Sekhar: 1977).

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA) telah memajukan 19 000 ekar dibawah sekim tanah belia dan 39 300 ekar sebagai sekim pinggir dan memulihkan seluas 9 100 ekar dalam tempoh 1971-75.

(RMT 1976: 337)

Sejumlah 47 300 ekar lagi telah dimajukan oleh Pihak Berkuasa, Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah program tanaman baru berkelompok (RMT 1976: 337). RISDA telah menyediakan kredit kepada pekebun-pekebun kecil getah yang mengambil bahagian dalam program tanaman semula dan tanaman baru. Kredit untuk tanaman kontan telah disediakan untuk membantu pekebun-pekebun kecil menanam tanaman jangka pendek bagi menjamin pendapatan yang berterusan sementara menunggu tanaman mereka mengeluarkan hasil. Kredit untuk baja dan racun rumput juga disediakan untuk memastikan kebun-kebun mereka diurus dan dijaga dengan baik. RISDA telah memberikan kredit sebanyak \$3.3 juta dalam tempoh 1971-75 (RMT 1976: 340). RISDA juga telah menubuhkan 1049 buah Pusat Memproses Getah Berkelompok yang pada masa ini dikenali sebagai Pusat Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil, untuk memperbaiki cara-cara memproses getah keluaran pekebun-pekebun kecil (RMT 1976: 342).

Dengan penemuan-penemuan yang didapati dari penyelidikan dan dengan terdapatnya berbagai organisasi awam yang ditubuhkan untuk mempercepatkan modenisasi, kemajuan yang mengagumkan ini walaubagaimanapun masih belum lagi dapat menyamai sektor peladang. Masih terdapat perbezaan pengeluaran, perbezaan mutu dan perbezaan pemasaran di antara kedua sektor di peringkat nasional.

Peranan Bahagian Projek dan Penyelidikan Pekebun Kecil

Bahagian Projek dan Penyelidikan Pekebun Kecil ini telah ditubuhkan dalam tahun 1973 untuk menyampaikan penemuan-penemuan penyelidikan kepada sektor pekebun kecil seberapa segera yang boleh. Bahagian ini

bertindak sebagai suatu penyambung yang sangat penting antara perancangan, penyelidikan dan perlaksanaan oleh kerana ketiga-tiga aspek ini adalah saling-kait dengan rapat sekali. Ia memastikan bahawa inovasi-innovasi penyelidikan dibawa dan dijalankan dan seterusnya disesuaikan dimana perlu untuk memenuhi keperluan-keperluan pekebun-pekebun kecil yang khusus dan berasingan. Bersama-sama dengan pihak berkuasa pelaksana bagi pekebun kecil iaitu RISDA, Bahagian Projek ini memberikan jaringan rangka-kerja untuk interaksi dinamik antara penyelidikan dan perlaksanaan bagi melicinkan dan mempercepatkan kemajuan pekebun kecil untuk menikmati satu keadaan taraf hidup yang lebih tinggi dan menyumbangkan bahagian yang lebih besar kepada output getah negara.

Pada masa ini, Bahagian ini sedang menjalankan projek-projek penyelidikan, tanaman-selingan, eksploitasi dan memajukan kawasan.

Amalan Kebun

Projek-projek ini telah ditubuhkan di kebun-kebun kecil di merata-rata negara terutamanya untuk tujuan mengurangkan tempoh kematangan pokok-pokok getah dengan menanam bahan tanaman yang cepat matang seperti anak-anak cantum pancung (stumped budding) dan benih-benih tunas dalam kimpit plastik. Sebagai tambahan, induksi dahan dan tanaman semula di bawah naungan sedang juga dijalankan. Beberapa projek mengenai cantuman jemala (crown budding) telah juga ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menjalankan penanaman cantuman jemala dengan skil yang lebih luas di kebun-kebun kecil.

Projek-projek Tanaman-selingan

Untuk memberikan pekebun-pekebun kecil satu cara mendapatkan gantian punca pendapatan dalam masa pokok getah belum dewasa atau matang,

tanaman selingan dengan tanaman-tanaman kontan (cash crops) seperti jagung, kacang soya, kacang tanah, pisang dan sebagainya telah diperkenalkan dalam kebun-kebun kecil getah di seluruh negara dalam masa tiga tahun pertama pertumbuhan pokok-pokok getah. Tanaman kekacang penutup bumi (cover crops) juga diperkenalkan dalam kebun-kebun kecil getah terutamanya kebun-kebun yang mempunyai lereng-lereng bukit di mana penanaman minima adalah diperlukan disebabkan ujudnya bahaya runtuh atau hakisan tanah. Kekacang penutup bumi ini dapat mengurangkan proses hakisan tanah. Kekacang penutup bumi ini juga dapat menolong mengurangkan pertandingan dari rumpai dan membekalkan nitrogen apabila sudur (canopy) pokok-pokok getah itu menaungi kekacang tersebut.

Projek-projek Perkebunan Campuran (Mixed Farming)

Pemeliharaan binatang-binatang ternakan seperti ayam, itek, kambing dan kambing biri-biri di dalam kawasan kebun getah telah diperkenalkan untuk menambahkan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil.

RRI menolong pekebun-pekebun kecil dalam projek perkebunan campuran ini dengan cara memberikan kredit dan juga mencarikan binatang-binatang ternakan ini samada dari Maju Ternak atau punca-punca lain. Di samping menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil, memelihara kambing dalam kebun dapat mengurangkan rumput-rumpai dalam kawasan kebun getah.

Projek-projek Agronomi

Projek-projek penyelidikan mengenai pengawalan rumpai dan pembajaan telah ditubuhkan di kebun-kebun kecil di seluruh negara untuk menunjukkan kepada pekebun-pekebun kecil faedah-faedah pengawalan rumpai dan pembajaan ke atas pertumbuhan pokok-pokok getah.

Projek-projek Eksploitasi

Ujikaji-ujikaji sedang dijalankan di seluruh negara untuk menilai sistem-sistem torehan yang sesuai bagi kebun-kebun kecil, dengan dan tanpa bahan-bahan penggalak seperti ethephon (RRIM) dan bahan penggalak yang baharu iaitu Ethad.⁸

Pembangunan Kawasan

Kebun-kebun contoh sedang dipilih di kawasan-kawasan tertentu di negara ini untuk mengintegrasikan kesemua projek-projek yang berbagai jenis itu ke dalam satu kawasan dan berlaku sebagai satu contoh (model) pembangunan kepada sektor kebun kecil amnya.

A. Satu 'Total Concept Project' untuk mengintegrasikan kesemua inovasi-innovasi penyelidikan dalam satu lokasi kebun kecil telah pun bermula dengan 750 pekebun-pekebun kecil meliputi sebuah kawasan kira-kira 1200 hektar dalam Mukim Buloh Kasap, Segamat, Johor.⁹ Projek Pembangunan Kawasan ini dimulakan dengan memilih kawasan-kawasan yang paling sesuai dan asas pemilihan ialah berdasarkan pada bahagian-kecil (subsection) masyarakat yang dianggap "most deserving" untuk mendapat bantuan dari segi teknikal dan juga bantuan sosio ekonomi. Angkubah-angkubah yang dipilih adalah dianggap dapat mencerminkan kemiskinan pekebun kecil getah ini

⁸ Rubber Research Institute of Malaysia, Published by the Rubber Research Institute of Malaysia, Kuala Lumpur, May, 1978.

⁹ Abu Asmara Hj. Mohamed, Total Concept Development Project in Segamat, SPRD, RRI, Kuala Lumpur, August, 1977.

dalam pertumbuhan dan binatang ternakan.

Matlamat projek ini ialah untuk memasukkan segala bentuk pembangunan kepada pekebun-pekebun kecil dalam kawasan tersebut dan RRI akan memberi kredit dan mengkoordinasi segala kegiatan dengan agensi-agensi lain seperti RISDA, MARDEC, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Orang Asli, Perkhidmatan Bus MARA, Jabatan Kesihatan, Persatuan Peladang, Jabatan Haiwan dan Jabatan Penerangan. Agensi-agensi lain juga secara tidak langsung akan mengambil bahagian seperti Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan lain-lain.

Pembangunan-pembangunan yang dirancangan adalah seperti berikut:-

A. Program Meningkatkan Pendapatan

Penubuhan Tapak Semaian (Nursery)

Pemulihan Semula (Rehabilitation)

Penanaman Semula

Program Menyuburkan Tanah

Membaiki Sistem Eksploitasi

Perkebunan Campuran dan Tanaman Selingan

Pusat Mengutip Susu Getah/Pusat Getah Berkelompok

Pengeluaran Getah-getah Keping Kelikatan Tetap
(Constant Viscosity Sheets)

4. Pembangunan Komuniti

Pengeluaran Binatang Ternak

Program Kebun Buah-buahan

Program Tanaman Kontan dan Tanaman Saka

Pemasaran

'Cottage Industries'

Sistem Kredit Terkawal

B. Pembaikan Program Perkhidmatan

Bekalan Air

Sambungan Bekalan Letrik

Pembinaan Jalan Raya dan Jambatan/Pembaikan

Perkhidmatan Bas

Perkhidmatan Pos

Kemudahan Talipon

C. Program Pembangunan Rawatan Manusia

1. Pembaikan Program Kesihatan

Klinik-klinik

Pelajaran Kesihatan

2. Keadaan Perumahan

Memperbaiki Rumah-rumah

Kemudahan-kemudahan Tandas

3. Pelajaran

Sekolah Biasa

Pelajaran Dewasa

Taman Didikan Kanak-Kanak

Pelajaran Ugama

4. Pembangunan Komuniti

Latihan Kepimpinan

Memberi Kesedaran

Program-program Perkembangan Belia¹⁰

¹⁰ Abu Asmara, Ibid.

Menurut Encik Abu Asmara, pegawai penyelidik RRI, projek pembangunan kawasan di Segamat ini tidak berapa berjaya kerana kawasan ini selalu mengalami banjir dan terdapatnya halangan-halangan lain.

Bagaimanapun, projek ini telah dapat dijadikan sebagai contoh dan mengambil pengalaman darinya dan kini RRI cuba pula menjalankan satu lagi projek pembangunan kawasan di Pahang.

Satu daripada tugas-tugas Bahagian Projek dan Penyelidikan Paksi Kecil RRI ialah menjalankan percubaan dalam kebun-kebun kecil dengan kerjasama pekebun-pekebun kecil sendiri. RRI bertindak sebagai Badan Berkanun yang menjalankan projek percubaan itu dan sekiranya berjaya ia akan diimplimentasikan oleh RISDA. Salah satu projek percubaan kelolaan RRI ini ialah 'Projek Perikanan Ayam' yang telah dijalankan oleh RRI bersama-sama dengan Encik Ismail bin Hasan Haji, seorang pekebun kecil, di Kampung Bukit Cheraka, Jeram, Kuala Selangor, Selangor.

Latarbelakang Tempat

Pengkaji telah dibawa ke tempat projek ini oleh seorang pegawai projek RRI. Beliau ialah orang yang bertanggungjawab mengelolakan projek ini. Kampung Bukit Cheraka ini adalah terletak kira-kira 7 batu dari Kg. Sukan, Jeram, Kuala Selangor. Terdapat kira-kira 400 buah rumah di dalam kampung ini. Penduduk kampung ini kebanyakannya terdiri dari orang Jawa. Rumah-rumah di kampung ini telah pun mendapat bekalan elektrik. Rumah Encik Ismail masih belum mendapat bekalan elektrik dan dijangkakan akan sampai dalam tahun 1979 nanti. Bekalan air paip adalah bergantung kepada

BAB III

PROJEK RRI BUKIT CHERAKA

Pendahuluan

Encik Ismail bukanlah seorang yang baru dalam hal-hal berkenaan dengan pertanian. Beliau telah pun memulakan kerja sebagai seorang pekebun kecil. Beliau telah pun memulakan kerja sebagai seorang pekebun kecil. Pekebun Kecil RRI ialah menjalankan percubaan dalam kebun-kebun kecil dengan kerjasama pekebun-pekebun kecil sendiri. RRI bertindak sebagai Badan Berkanun yang menjalankan projek percubaan itu dan sekiranya percubaan berkenaan telah berjaya ia akan diimplimentasikan oleh RISDA. Salah satu projek percubaan kelolaan RRI ini ialah 'Projek Penternakan Ayam' yang telah diusahakan oleh RRI bersama-sama dengan Encik Ismail bin Hasan Raji, seorang pekebun kecil, di Kampung Bukit Cheraka, Jeram, Kuala Selangor, Selangor.

Latarbelakang Tempat

Pengkaji telah dibawa ke tempat projek ini oleh seorang pegawai projek RRI. Beliau ialah orang yang bertanggungjawab mengelolakan projek ini. Kampung Bukit Cheraka ini adalah terletak kira-kira 7 batu dari Sg. Buloh, Jeram, Kuala Selangor. Terdapat kira-kira 400 buah rumah di dalam kampung ini. Penduduk kampung ini kebanyakannya terdiri dari orang Jawa. Separuh rumah di kampung ini telah pun mendapat bekalan elektrik. Rumah Encik Ismail masih belum mendapat bekalan elektrik dan dijangkakan akan sampai dalam tahun 1979 nanti. Bekalan air paip adalah bergantung kepada

paip JKR yang terdapat di tepi-tepi jalan. Orang-orang kampung kelihatan mengambil air dan mandi di tepi-tepi jalan ini. Kampung ini mempunyai sebuah sekolah rendah dan juga sebuah klinik Kerajaan dengan seorang Jururawat dan seorang Bidan.

Dasar Pemilihan Pekebun Kecil Untuk Projek

Encik Ismail bukanlah seorang yang baru dalam hal-ehwal berkebun getah. Beliau telah pun memulakan kerja sebagai seorang pekebun kecil getah pada tahun 1952 dengan menanam getah jenis Klon GT1 di kebunnya yang seluas tiga ekar itu. Oleh kerana beliau kurang berpengalaman dalam cara-cara berkebun getah maka kebun ini telah tidak mendatangkan hasil yang sempurna. Kira-kira tiga tahun yang lalu beliau telah menebang pokok-pokok getah tuanya dan menanam semula dengan klon GT1 dan RRIM 600 (Gambar 1). Beliau mengatakan bahawa kebun beliau telah dijadikan oleh pihak RRI sebagai kebun contoh dan beliau telah 'dianak angkat' oleh RRI.

Sebelum memulakan projek pemeliharaan ayam ini beliau telah menjalankan rancangan tanaman kontan (cash crop) dengan menanam jagung dan kacang soya. Segala benih jagung dan kacang soya ini telah dibekalkan oleh RRI. Tetapi menurutnya rancangan tanaman kontan ini telah tidak berjaya kerana tanahnya kurang sesuai untuk tanaman kontan ini. RRI tidaklah dapat menjalankan kajian suai ke atas tanah setiap pekebun kecil sebelum menjalankan tanaman kontan kerana ini akan melibatkan tenaga dan belanja yang banyak.

Selepas menanam semula getahnya, beliau telah merantau bekerja ke Johor dan Pahang. Beliau merantau kira-kira dalam masa satu tahun

dengan bekerja sebagai boroh kontrek menggali parit dan sebagainya.

Dalam bulan September 1976 beliau telah kembali ke kampung. Pegawai

RRI Encik Choo Pooi Seng telah menemuinya dan menawarkannya untuk

menjalankan projek memelihara ayam.

Menurut Encik Choo beliau memilih Encik Ismail kerana beliau

telah mengenali Encik Ismail sebelum ini. Selama ini beliau mendapati

bahawa Encik Ismail adalah seorang pekebun kecil yang dedikasi, rajin,

senang memberi kerjasama dan mempunyai daya inisiatif sendiri. Atas dasar

inilah beliau telah memilih Encik Ismail untuk projek penternakan ayam

dalam kebun ini.

Projek Menternak Ayam

Apabila RRI mengesyurkan kepada Encik Ismail supaya menternak ayam, menurut beliau, dia terpaksa berfikir panjang. Pada mulanya beliau tidak sanggup menjalankan projek itu kerana ia adalah bidang baru baginya. Beliau takut menjalankan projek itu kerana dia belum ada pengetahuan dalam bidang ini. Selama ini, sementara menantikan pokok getahnya besar, beliau hanya tahu bekerja dengan kontrektor untuk membuat teres, parit dan sebagainya.

Setelah berfikir panjang, akhirnya Encik Ismail ingin mencuba bidang baru ini. Keputusan yang diambil oleh Encik Ismail bukanlah keputusan yang tergesa-gesa. Pihak RRI telah membawanya melawat kawasan-kawasan ternakan ayam dalam kebun-kebun getah yang telah berjaya. Setelah melihat sendiri susah payahnya menternak ayam, dan keuntungan yang boleh diperolehi darinya, serta jaminan RRI untuk memberi tunjuk ajar dan

bimbingan dalam bidang baru ini, barulah Encik Ismail sanggup mencuba projek menternak ayam tersebut.

Konsep Perkebunan Campuran (Mixed Farming)

Kajian projek ternakan ayam pekebun kecil oleh Bahagian Projek dan Penyelidikan RRI di bawah konsep perkebunan campuran adalah untuk mengkaji apakah pekebun kecil boleh mengerjakannya di kebun masing-masing dengan mendatangkan keuntungan sementara menantikan pokok-pokok getah mereka dapat ditoreh. Perkebunan campuran yang dianjurkan oleh RRI ialah ternak ayam atau kambing, tanaman kontan dan sebagainya sambil pekebun kecil mengerjakan sekali tanaman getah mereka. Ternakan dan tanaman kontan mereka akan terus menjadi sumber pendapatan sehingga pokok getah mereka dewasa.

Projek ternakan ayam yang dijalankan oleh Encik Ismail dengan kelolaan Bahagian Projek dan Penyelidikan RRI adalah semata-mata untuk mengkaji dari segi pendapatan, dan bukan dari segi sumbangannya untuk kawalan rumpai seperti yang dilihat oleh Encik Ismail di kawasan lain dalam projek seperti ini. Dalam projek ternakan ayam untuk pengawalan rumpai, ayam-ayam itu dilepaskan dan memakan rumput-rumput di kebun sementara tahinya yang berselerak menjadi baja kepada pokok-pokok getah. Tetapi ayam-ayam yang dipelihara oleh Encik Ismail adalah senantiasa dikurung dalam bangsal yang terletak di dalam kebun getahnya.

Cara Menternak Ayam

Projek menternak ayam di kebun getah Encik Ismail ini dimulakan pada 13.9.1976 dengan cuba memelihara 500 ekor anak-anak ayam jenis

ANS 100 (Gambar 2). Tetapi menurut beliau peringkat permulaan ini sangatlah tidak berjaya. Kira-kira 100 ekor anak ayamnya telah mati. Anak-anak ayam banyak mati kerana beliau masih belum ada pengalaman dalam bidang menternak ayam ini dan tidak dapat menjaganya dengan sebaik-baiknya. Beliau hampir-hampir putus asa dan ingin sahaja memberhentikan projek ini. Tetapi atas nasihat dan galakan pegawai RRI beliau terus bersabar dan akhirnya berjaya.

Tahap permulaan projek ini adalah semuanya dibiayai oleh RRI. Reban atau bangsal ayam telah dibena sendiri oleh Encik Ismail dengan perbelanjaan lebihkurang \$200.00. Semasa pengkaji membuat kajian, Encik Ismail telah pum membena dua lagi reban yang masing-masing berharga \$600.00 dan \$700.00. Reban pertama dan kedua adalah dibena dengan perbelanjaannya dibiayai oleh RRI dan kemudiannya wang ini dibayar oleh Encik Ismail secara ansur kepada RRI (Daftar 1). Reban ketiga yang dibena pada tahun 1978 adalah dengan perbelanjaan dikeluarkan oleh Encik Ismail sendiri. Kalau kita ukur dari segi kemampuan ini kita dapati bahawa Encik Ismail melalui projek ayam ini telah bertambah kemampuannya. Menurutny, segala hutang-piutangnya dengan RRI telah selesai dibayarnya.

Barang-barang lain yang diperlukan untuk menternak ayam ini adalah seperti lampu minyak cimni - 12 lampu untuk 1000 ekor ayam, tabung plastik untuk air, tangki air, papan untuk makanan ayam, minyak gas, ubat ayam dan makanan ayam.

Pada tahap pertama segala pembiayaan menternak ayam ini telah dikeluarkan oleh RRI, termasuklah membelikan 500 ekor anak ayam jenis

DAFTAR 1. KOS MODAL, WANG JUALAN DAN UNTUNG BERSIH PROJEK AYAM ENCIC ISMAIL

Bil. Ternakan	Bil. Ayam	Wang Jualan	Modal-modal (termasuk gaji nya dan kuli)	Ansuran Reban dibayar pada RRI	Untung Bersih
1	500 ekor	\$506.80	\$467.95	\$ 30.00	\$ 38.85
2	500 "	371.25	260.35	30.00	110.90
3	500 "	562.00	255.10	75.00	306.90
4	500 "	652.90	437.70	150.00	215.20
5	500 "	717.80	427.00	200.00	290.80
6	500 "	702.95	247.60	selesai	455.35
7	500 "	668.25	284.35	"	383.90
8	500 "	489.60	189.90	"	299.70
9	500 "	414.60	170.00	"	244.60
10	1000 "	353.65	308.65	"	45.00*

N.B. Angka-angka dipetik dari buku akaun Encik Ismail.

* Pada tahap ke 10 untung bersih yang diperolehi hanya sebanyak \$45.00 sahaja. Walaupun ayam yang dipelihara lebih iaitu 1000 ekor tetapi 40 ekor telah mati (Daftar 2), harga pasaran juga rendah (Daftar 2) dan beliau terpaksa pula menaikkan gaji pembantunya ke \$240.00 (biasanya untuk 500 ekor cuma \$60.00).

ANS 100 melalui subsidi dari Jabatan Haiwan. Kalau melalui subsidi ini harga anak ayam seekor adalah 51 sen, manakala kalau dibeli dari pembiak anak ayam tempatan harganya adalah antara 70-75 sen seekor. Seperti yang telah disebutkan, tahap pertama ternakan ayam ini telah tidak berjaya. Bagaimanapun berkat kesabaran dan ketekunan Encik Ismail, tahap keempat dan seterusnya telah mendapat kejayaan dan menguntungkan (Daftar 1 & 2).

Pada tahap permulaan, Encik Ismail bekerja sendiri sahaja. Hanya selepas projek ini mendapat kejayaan iaitu pada tahap keempat dan seterusnya baharu beliau mengambil seorang pekerja membantunya. Seterusnya, dibawah ini akan diberikan tahap-tahap dan kerja-kerja yang perlu dilakukan dalam pemeliharaan ayam oleh pekebun kecil ini.

Umur Anak Ayam 1 - 3 Minggu

Suntikan. Ketika ayam itu baru menetas ia diberi ubat suntikan melalui hidung dengan Ranikhet 'F'. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan anak-anak ayam ini dari serangan penyakit sampar.

Tempat tinggal. Ketika umur anak-anak ayam ini antara 1 - 3 minggu ini, anak-anak ayam ini diletakkan didalam sebuah reban berupa kotak sahaja dan ditutupi dengan guni yang dipanggil 'brooder'. Ukuran reban atau kotak ini bagi 500 ekor anak ayam ialah 5 kaki lebar dan 12 kaki panjang (Gambar 3). Reban ini perlu dialas dengan kertas yang mesti diganti 5 atau 7 hari sekali. Kata Encik Ismail kertas ini perlu supaya anak-anak ayam ini tidak kesejukan. Dalam tempoh 1 - 5 hari umur anak-anak ayam, lampu mesti dipasang siang malam dan jika keadaan cuaca sejuk

dan lembab rebannya mesti ditutup dengan guni atau plastik. Kalau cuaca panas guni ini bolehlah dibuka. Tetapi pada waktu malam guni ini mesti dipasang semula.

Makanan. Pada umur 1 - 3 minggu ini anak-anak ayam ini mesti diberi makanan yang dipanggil Broiler 1 atau singkatnya BR.1 dan di kampitnya tercatit Nombor 501. Kata Encik Ismail anak-anak ayam mesti diberi makanan jenis No. 501 ini kerana ia lebih halus. Harganya pada masa kajian ialah \$32.50 seguni berat 50 kilo. Bagi 500 ekor ayam, makanannya ialah 10 guni atau 500 kilo bagi tempoh sebulan. Makanan mesti diberi 3 kali sehari dan minuman diberi 2 kali sehari.

Kalau ada anak-anak ayam yang mati mestilah ditanam. Pada tahap pertama lebih 100 ekor anak-anak ayam telah mati. Apabila anak-anak ayam ini membesar, mana-mana yang sakit mestilah diubat. Ubat untuk ayam ini ada yang berharga \$4.00 sekotak dan ada yang berharga \$8.00 sekotak. Ubat ini terpaksa dibeli sendiri oleh pekebun kecil.

Umur Ayam 3 Minggu Hingga Tarikh Jualan

Suntikan. Setelah umur ayam-ayam itu kira-kira 3 minggu atau sebulan, suntikan yang diperlukan ialah Fowl Pox untuk mencegah penyakit puru. Suntikan tersebut dilakukan pada bahagian kepek. Suntikan ini dikenakan bayaran 2 sen untuk seekor ayam. Suntikan ini dilakukan oleh kakitangan Jabatan Haiwan.

Tempat tinggal. Ayam-ayam ini dipindahkan dari 'nursery' (Gambar 4) ke reban yang lebih besar berukuran 16 kaki lebar dan 90 kaki panjang bagi 1000 ekor ayam. Ia didirikan di atas tiang supaya kebersihannya dapat dijaga, dan segala tahi ayam tersebut akan jatuh ke tanah dan

memudahkan ia dikumpulkan untuk digunakan sebagai baja pokok atau dijual seterusnya.

Makanan. Makanan ayam besar ialah Broiler 2 atau BR 2 nombor 502 atau 503. Harga makanan tersebut pada masa kajian di pasaran tempatan ialah \$29.40 bagi satu guni berat 50 kilo. Banyak makanan yang diberi ialah purata setengah guni sehari, ketika ayam-ayam itu berumur 3 hingga 5 minggu. Selepas itu makanannya meningkat satu setengah hingga dua guni sehari. Makanan ini diisi ditempat makannya tiga kali sehari. Atas inisiatif pekebun kecil beliau telah dapat meringkas cara memberi minum ayam dengan mengadakan satu tangki air dan menyalurkan paip dari tangki air ini ke reban ayam dan mengalirkan air minum berterusan ke dalam tempat minum ayam-ayam tersebut. Dengan ini tidak payahlah beliau mengangkut air turun naik dua tiga kali sehari.

Jualan. Umur ayam yang paling baik dijual ialah antara 60 hingga 75 hari (Gambar 5). Paling lama ayam itu boleh disimpan ialah 75 hari. Kalau lebih dari tempoh itu, ia tidak lagi berapa menguntungkan kerana ayam-ayam tersebut tetap perlukan makanan. Setiap hari ditangguh, perbelanjaan makanan akan meningkat. Bagaimanapun, menurut Encik Ismail adakalanya jualan ayam-ayam terpaksa ditangguhkan kerana harga terlalu rendah. Tetapi katanya, paling rendah harga ayam jualan borong di Selangor ialah \$1.10 sekati. Jika perbelanjaan memelihara ayam itu dapat dikurangkan dari \$1.10 keuntungan tetap ada. Soalnya cuma lelah yang lebih dan keuntungan yang kurang. Berat seekor ayam pada umur 60 hari ialah kira-kira tiga kati setengah.

Tahi ayam. Tahi ayam ini dijual oleh Encik Ismail dengan harga \$1.50 satu guni (Gambar 6). Bagi 500 ekor ayam tahinya boleh diperolehi kira-kira sebanyak 35 guni. Di samping itu, Encik Ismail juga menggunakan tahi ayam ini sebagai baja di kebunnya.

Setelah mencapai kejayaan selepas tahap ketiga, Encik Ismail telah menggajikan seorang pekerja untuk membantunya menguruskan kerja-kerja memelihara ayam ini. Untuk memelihara 500 ekor ayam beliau telah memberi gaji sebanyak \$60.00 kepada pekerjanya itu. Apabila beliau menambah jumlah ayam yang dipeliharanya ke 1000 ekor gaji pekerja itu telah dinaikkan ke \$240.00. Dengan adanya pekerja ini, dapatlah Encik Ismail membuat kerja-kerja lain seperti menguruskan kebun getahnya dan sebagainya.

Bantuan teknikal oleh pegawai RRI

Pegawai RRI telah memberi tunjuk ajar kepada Encik Ismail dalam bidang teknikal. Beliau telah ditunjukkan bagaimana mendirikan reban atau bangsal ayam yang baik. Pegawai RRI telah membelikan anak-anak ayam dari jenis baik seperti Jenis Peterson, Cobbs dan Hubbard. Encik Ismail telah ditunjukkan jenis ubat ayam dan cara-cara memberi ubat itu. Beliau juga telah ditunjukkan cara-cara menyediakan lampu untuk anak-anak ayam. Bahkan, keseluruhannya pegawai RRI telah bertanggungjawab bagi menjayakan projek ternakan ayam di kebun Encik Ismail ini. Namun tidak dapat kita nafikan Encik Ismail lah yang benar-benar memikul tanggungjawab utama dalam menjayakan projek ini. Sekiranya beliau bukanlah seorang yang cekal dan tabah menghadapi cubaan dan rintangan pada tahap-tahap

permulaan maka sudah tentulah projek ini tidak akan mendapat kejayaan.

Sikap pekebun kecil terhadap projek

Pengkaji telah cuba mencungkil perasaan pekebun kecil terhadap projek ayam ini. Encik Ismail telah mengatakan bahawa 'response' beliau terhadap projek ini dapatlah dikatakan sebagai pertengahan. 'Pertengahan' yang beliau maksudkan ialah apabila harga pasaran ayam mahal beliau rasa gembira kerana banyak untung. Sebaliknya, apabila harga pasaran ayam murah beliau rasa sedih. Oleh itu sikapnya terhadap projek ini ada negatif dan positifnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya beliau senang hati terhadap projek kelolaan RRI ini. Beliau berjaya dalam projek ini atas tunjuk ajar yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai RRI. Beliau menganggap RRI telah mengubah nasibnya dan menambah mata pencariannya.

Inisiatif pekebun kecil

(a) Pekebun kecil telah berjaya meringkaskan cara memberi makan dan minuman ayam. Beliau telah mencipta satu tangki yang dapat menyalurkan air ke dalam reban-reban ayam (Gambar 7).

(b) Kini beliau sedang memikirkan rancangan untuk meringkaskan cara mengalihkan anak-anak ayam dari 'nursery' ke bangsal ayam besar. Biasanya anak-anak ayam dimasukkan ke dalam bakul dan dipindahkan ke bangsal secara beransur-ansur.

Encik Ismail sedang memikirkan cara untuk mengangkat anak-anak ayam ini sekali gus semuanya.

(c) Pekebun kecil juga telah mendirikan bangsal ayam ketiga

yang berharga \$700.00 dengan belanja sendiri dan kerja sendiri (Gambar 8).

Masalahan yang dialami oleh pekebun kecil

(a) Masalahan utama ialah mengenai pasaran ayam. Biasanya pasaran ayam diusahakan oleh pihak RRI yang membawa Van Pejabat dan menjualkannya kepada kakitangan RRI sendiri. Sekiranya RRI meninggalkan projek ini dan memulangkannya untuk dikelolakan oleh pekebun kecil sendiri tentunya beliau akan menghadapi masalahan pemasaran ayamnya ini.

(b) Di samping masalahan pasaran, terdapat masalahan turun naik harga ayam. Kalau ada harga pasaran ayam yang tetap maka pendapatannya akan terjamin.

(c) Pada permulaan projek pekebun kecil menghadapi berbagai-bagai kerumitan yang sebetulnya timbul dari tiada pengalaman dalam bidang pemeliharaan ayam ini. Tetapi melalui ketabahan dan pengalaman beliau sedikit demi sedikit telah dapat mengatasi masalahan-masalahan ini.

Sikap orang-orang kampung

Pekebun kecil menyatakan bahawa orang-orang kampungnya sendiri telah datang melihat projeknya ini. Mereka juga ingin menyertai projek seperti ini dan menurut Encik Ismail telah ada juga orang-orang kampung yang telah cuba secara bersendirian untuk memelihara ayam di kawasan kebun mereka.

Encik Choo, pegawai projek RRI telah juga ditemui oleh beberapa orang kampung untuk mendapatkan projek seperti ini. Tetapi menurut

Encik Choo beliau terpaksa menolakan permintaan mereka kerana sebenarnya tugas RRI cuma menjalankan satu-satu projek sebagai satu peringkat percubaan sahaja. Dalam projek percubaan ini RRI akan cuba memberikan segala pengetahuan teknikalnya untuk menjayakan projek ini. Sekiranya projek ini didapati berjaya maka RRI akan membawa laporan ini ke RISDA dan RISDA lah yang akan bertanggungjawab untuk mengimplimentasikannya.

Pahang. Pengkaji juga telah menemui beberapa orang kampung untuk meninjau pendapat-pendapat mereka tentang projek pemeliharaan ayam dikebun getah. Terdapat pro dan kontra dalam pendapat-pendapat mereka. Ada yang mengatakan projek ayam ini adalah baik dan dapat membantu mereka semasa pokok-pokok getah belum dewasa dan mereka ingin menyertai projek-projek begini. Mereka telah pun menanyakan pegawai-pegawai RISDA, tetapi pegawai-pegawai RISDA itu masih tidak tahu tentang pelaksanaan projek ini. Pandangan yang negatif pula mengatakan yang projek ayam di kebun kecil ini adalah terlalu rumit. Memelihara ayam ini memerlukan perhatian sepenuh masa dan mereka tidak sanggup menghabiskan masa kepada ayam sahaja. Mungkin mereka takut dipanggil 'gembala ayam' nanti? Bagaimanapun, masalah besar yang mereka hadapi ialah tidak adanya modal yang cukup untuk menjalankan projek ini secara besar-besaran dan juga tidak mempunyai 'technical know how' mengenainya.

Ada juga orang-orang kampung yang telah mencuba memelihara ayam secara kecil-kecilan kira-kira 100 - 200 ekor sahaja. Tetapi projek mereka kini kurang berjaya, mungkin kerana tiada kelolaan dan bantuan material dan nasihat dari pihak-pihak yang berkenaan. Bagaimanapun, saya rasa satu kesan projek RRI ini ialah ia telah meletakkan satu asas (set a

precedence) untuk memelihara ayam di dalam kebun-kebun getah di kampung tersebut.

Sikap orang-orang dari luar kampung

Menurut Encik Ismail orang-orang dari luar kampung telah juga datang menyaksikan projeknya ini. Ada orang-orang yang datang dari kampung yang berdekatan dan bahkan ada orang Cina yang telah datang dari Pahang. Mereka-mereka yang datang ini semuanya ingin tahu mengenai projek ayam ini dan orang-orang Cina itu saya rasa tentu akan mempergunakan bahan-bahan cerita Encik Ismail itu untuk dipraktikkan pula.

Encik Ismail dan projeknya ini telah mendapat publisiti yang agak luas juga. Radio dan Talivisen Malaysia telah mengiriskan unit bergerakanya untuk memilemkan projeknya ini dan menurut Encik Ismail, yang berasa begitu bangga, (maklum sahaja masuk dalam rancangan TV) rancangan mengenainya ini telah pun disiarkan melalui talivisen.

Selain dari ini, projek beliau juga telah dijadikan satu artikel dalam majalah Siaran Pekebun, Bilangan 69 Mach 1978.

Melalui publisiti inilah projek ternakan ayam Encik Ismail telah menjadi terkenal hingakan ramai orang-orang dari jauh telah datang menyaksikan projek ternakan ayamnya ini.

Pendapat Encik Ismail mengenai Projek Ayam

Menurut Encik Ismail untuk menjalankan projek menternak ayam, sebaik-baiknya kita mesti ada modal purata \$5.00 untuk seekor ayam. Ini bermakna untuk memelihara 100 ekor anak ayam kita perlukan modal \$500.00 untuk digunakan sehingga anak-anak ayam itu besar dan boleh dijual.

Lain-lain hal

Encik Ismail merupakan seorang pekebun kecil yang rajin dan berani meneroka bidang baru seperti memelihara ayam ini. Pokok-pokok getahnya baru berumur tiga tahun dan hanya boleh ditoreh kira-kira tiga tahun lagi. Sementara menantikan pokok-pokok getah ini dewasa, RRI telah mencadangkan dia menjalankan projek memelihara ayam di kebun getahnya. Dari sinilah bermula satu sejarah baru dalam lembaran hidupnya. Kini beliau tidaklah sesusah dulu. Beliau tidak perlu lagi bekerja mengikut kontrektor-kontrektor menggali parit atau teres-teres tanaman getah. Hasil pendapatannya dari projek memelihara ayam ini ialah kira-kira \$304.19 sebulan (Daftar 2). Pendapatan ini kalau dibandingkan dengan pendapatnya semasa menjadi boroh dulu adalah lebih lumayan. Menurut beliau, sebagai boroh kasar dulunya beliau cuma mendapat lebihkurang \$100.00 sebulan.

Selain dari pendapatan hasil jualan ayam beliau juga telah memperolehi wang hasil dari jualan nenasnya sebanyak \$300.00 untuk dua kali jual. Beliau ada menanam nenas sebanyak 18 baris di dalam kebun getahnya. Penanaman nenas ini bukanlah projek RRI tetapi beliau menanamnya secara sendiri. Kebun abang Encik Ismail disebelah kebunnya ada menjalankan projek tanam nenas RRI.

Di keliling rumahnya beliau telah menanam pokok kelapa bali sebanyak 18 pokok (Gambar 9). Pokok kelapa bali ini baru belajar berbuah katanya. Hasil kelapa bali untuk tiga kali jual cuma \$20.00 sahaja.

Encik Ismail telah juga memelihara kambing di kawasan kebun getahnya ini (Gambar 10). Beliau mempunyai 6 ekor kambing. Dua ekor

DAFTAR 2. KOS DAN KEUNTUNGAN PEMELIHARAAN AYAM OLEH ENCIK ISMAIL

Bilangan Ternakan	Jenis Ayam	Bilangan Ayam		Haribulan		Purata Berat Ayam (kati)	Kos Sekati \$	Harga Jualan Sekati \$	Pendapatan Keluarga \$
		Mula	Masa Jual	Mula	Jual				
1	ANS 100	500	400	13.9.76 (68 hari)	19.11.76	2.77	1.16	1.40	354.38
2	Peterson	510	504	5.1.77 (65 hari)	10.3.77	3.28	1.30	1.50	343.23
3	Cobbs	510	497	22.3.77 (75 hari)	4.6.77	4.23	1.40	1.60	549.63
4	Hubbard	500	488	17.6.77 (67 hari)	22.8.77	3.51	1.18	1.65	803.99
5	Hubbard	500	480	15.7.77 (58 hari)	10.9.77	3.32	1.19	1.70	801.91
6	Hubbard	500	481	17.8.77 (64 hari)	19.10.77	3.48	1.07	1.50	723.80
7	Hubbard	500	478	16.9.77 (65 hari)	19.11.77	3.59	1.22	1.67	773.65
8	Hubbard	500	365	25.10.77 (58 hari)	21.12.77	3.06	1.31	1.76	490.05
9	Hubbard	500	476	31.12.77 (68 hari)	9.2.78	3.65	1.21	1.53	562.58
10	Peterson	1000	960	25.1.78	15.4.78	3.52	1.28	1.40	376.35

telah dijual pada 24 April, 1978 dengan harga \$104.00.

Dari usaha-usahanya seperti di atas kita dapat melihat bagaimana rajin dan kuatnya usaha Encik Ismail ini untuk meninggikan taraf hidupnya. Dapat kita katakan bahawa beliau adalah seorang petani atau pekebun yang gigih yang ingin maju dalam hidupnya. Beliau bersedia menerima tunjuk ajar dan rela menerima pembaharuan demi untuk mengubah hidupnya. Ini begitu tepat dengan sebuah Firman bahawa 'Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang itu melainkan dia sendiri mengubahnya'. Di sini terbukti bahawa Encik Ismail sebagai seorang pekebun kecil getah yang biasa yang hanya mempunyai tiga ekar kebun getah telah berjaya menambah pendapatannya dengan mengikuti projek memelihara ayam anjuran RRI. Dalam peringkat kebun getahnya belum dewasa beliau telah boleh mendapat hasil pendapatan sebanyak lebihkurang \$300.00 sebulan dari hasil ayam semata. Bagaimana pula selepas pokok getahnya dewasa nanti dan projek ayamnya diteruskan?

menunjukkan bahawa projek sampingan seperti memelihara ayam di kawasan kebun getah ini dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Kiranya pokok getah pekebun kecil belum lagi dewasa, projek memelihara ayam ini sememangnya perlu untuk kehidupan mereka. Apa yang ingin dianjurkan oleh RRI kepada pekebun kecil seluruhnya ialah bahawa keadaan hidup mereka dapat diubah ke taraf yang lebih baik dengan menceburkan diri ke dalam aktiviti-aktiviti sampingan di kebun mereka seperti memelihara Ayam ini. Dengan lain perkataan RRI ingin mempelbagaikan (diversify) cara pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Dengan ini mereka tidaklah semata-mata bergantung kepada getah

BAB IV

KESIMPULAN

Agen Perubahan

Satu persoalan yang harus dibincangkan di sini ialah dapatkah dipertahankan andaian bahawa RRI bersifat sebagai sebuah 'Agent of Change' melalui projek yang dijalankan ini? Seperti yang telah dijelaskan RRI secara am dan Bahagian Projek dan Penyelidikan Pekebun Kecil khususnya bersifat sebagai badan yang menyampaikan segala macam pembaharuan yang diketemukan untuk dilaksanakan oleh pekebun-pekebun kecil. Adalah diharapkan penemuan-penemuan dan pembaharuan-pembaharuan ini akan memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil ini.

Dalam kes projek pemeliharaan ayam yang dijalankan di kebun kecil Encik Ismail ini, RRI ingin menunjukkan bahawa projek sampingan seperti memelihara ayam di kawasan kebun getah ini dapat membantu meninggikan pendapatan pekebun kecil. Kiranya pokok getah pekebun kecil belum lagi dewasa, projek memelihara ayam ini sememangnya perlu untuk kehidupan mereka. Apa yang ingin ditunjukkan oleh RRI kepada pekebun kecil seluruhnya ialah bahawa keadaan hidup mereka dapat diubah ke taraf yang lebih baik dengan menceburkan diri ke dalam aktiviti-aktiviti sampingan di kebun mereka seperti memelihara ayam ini. Dengan lain perkataan RRI ingin mempelbagaikan (diversify) cara pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Dengan ini mereka tidaklah semata-mata bergantung kepada getah

dan terutama semasa pokok getah belum dewasa mereka akan mempunyai pendapatan yang tetap.

Masa dahulu, pekebun-pekebun kecil getah mungkin juga telah menjalankan aktiviti memelihara ayam dan sebagainya di dalam kebun mereka tetapi secara kecil-kecilan. Apa yang diperkenalkan oleh RRI ialah menjalankan projek demikian secara perdagangan (commercial scale). Oleh kerana pengkaji hanya diperlukan menulis Kertas Projek sahaja maka tidak dapatlah dibuat kajian secara menyeluruh iaitu mengkaji beberapa projek pekebun kecil seperti projek memelihara kambing, projek kacang soya dan sebagainya. Apa yang perlu dilihat di sini ialah projek pekebun kecil yang dijalankan oleh RRI ialah untuk memastikan yang ianya menguntungkan dari segi perdagangan. Tetapi sayangnya, seperti kata pegawai projek RRI, mereka hanya dapat memperkenalkan projek-projek ini kepada pekebun-pekebun kecil di seluruh negara pada peringkat percubaan. Mereka memilih beberapa pekebun kecil dalam tiap-tiap negeri dan memberikan segala bantuan yang diperlukan baik bentuk material atau nasihat untuk menjalankan projek-projek ini. Mereka-mereka yang terpilih ini adalah disifatkan sebagai peneroka (pioneers) dan dari kejayaan atau ketidakjayaan mereka inilah RRI mengambil kesimpulan samada projek-projek ini dapat dijalankan seterusnya. Badan yang berkuasa untuk meneruskan pengurusan projek-projek ini seterusnya bukan lagi RRI tetapi ialah RISDA. Seperti yang diberitahu kepada pengkaji, RRI telah mendapati projek ayam ini adalah menguntungkan dan telah boleh dilaksanakan, tetapi belum nampak lagi tanda-tanda yang ia akan dijalankan.

Sejauh manakah kejayaan?

Berdasarkan kajian kes, pengkaji mendapati bahawa projek memelihara ayam di kebun kecil ini adalah sememangnya menguntungkan. Purata pendapatan keluarga ialah sebanyak \$304.19 sebulan. Sekiranya projek ini dapat dikekalkan oleh pekebun kecil tersebut sehingga pokok getahnya dewasa dan kemudian berjalan seiring dengan penorehan maka sudah tentu pendapatannya akan berlipat ganda atau lebih lagi. Satu persoalan yang tidak dapat dijawab di sini ialah sejauh manakah pembaharuan atau perubahan yang dimajukan oleh RRI ini akan kekal? Buat masa ini saya dapati pegawai projek RRI itu masih berterusan melawat-lawat projek ini. Adakah kemajuan itu hanya kekal dengan adanya hubungan antara agen perubahan dengan orang atau masyarakat yang berubah itu atau apabila agen perubahan itu meninggalkannya, ia akan kembali semula ke tahap yang lama? Perubahan ini akan hanya dapat dilihat dalam satu jangka masa yang lama. Pada pendapat pengkaji, memandangkan ketekunan dan kesungguhan pekebun kecil, perubahan yang telah dicapai ini akan berterusan dan kekal. Misalnya, pekebun kecil telah mendirikan sebuah reban yang besar yang boleh memuatkan 1000 ekor ayam dengan kerja dan perbelanjaan sendiri sebanyak \$700.00. Bagaimanapun, manusia hanya dapat merencanakan sesuatu tetapi Allah juga yang Maha Perencana dan yang Kekal. Segala sesuatu berubah mengikut masa dan keadaan namun yang Kekal juga yang tidak berubah-ubah. Oleh itu bagaimana hendak menentukan atau mengatakan yang perubahan yang berlaku melalui kemajuan yang dimajukan oleh agen perubahan itu akan dapat kekal atau tidak. Kita hanya dapat membuat andaian bahawa jika

tidak terdapat angkuh-angkuh yang menghalang maka projek-projek seperti ini akan kekal walaupun tidak lagi terdapat hubungan antara agen perubahan dengan yang berubah itu.

Dari perbualan dengan responden, pengkaji mendapati beliau seorang yang berfikiran positif. Walau pun beliau tidak mempunyai pendidikan tinggi tetapi beliau mempunyai kesanggupan untuk berfikir dan melahirkan ciptaan-ciptaan untuk memudahkan kerja-kerjanya. Beliau juga telah membuat buku kira-kiranya sendiri dan ini menunjukkan beliau mempunyai cara-cara yang sistematik. Kejayaan beliau ternyata dengan sanggunya beliau mendirikan reban ayamnya yang ketiga berharga \$700.00 dengan perbelanjaannya sendiri. Beliau juga sanggup menggajikan pekerja untuk membantunya mengurus kerja-kerjanya. Beliau juga telah menyelesaikan hutang piutangnya dengan RRI. Dari sini dapat kita simpulkan bahawa beliau telah berjaya dalam projek memelihara ayam ini.

Syur-syur

- (a) Untuk menjayakan sesuatu projek perubahan, pegawai-pegawai yang menjalankan rancangan adalah memainkan peranan yang sangat penting untuk menjayakan rancangan tersebut. Oleh itu pegawai-pegawai berkenaan mestilah mempunyai sifat-sifat sabar, dedikasi, lemah lembut dan sebagainya untuk mewujudkan hubungan yang erat antara pegawai-pegawai ini dengan pekebun-pekebun kecil tersebut. Di dalam projek kajian ini didapati hubungan antara pegawai yang berkenaan dengan pekebun kecil adalah sangat baik. Inilah satu

daripada faktor-faktor yang menyebabkan projek ini telah begitu berjaya. Pengkaji berharap pegawai-pegawai lain akan mencontohi hubungan begini.

- (b) Soal pemasaran adalah menjadi satu soal penting bagi pekebun kecil. Setakat ini pemasaran ayam dibantu oleh RRI. Selepas RRI meninggalkan projek ini bagaimana? Satu kajian mengenai pemasaran harus dibuat supaya apabila RRI meninggalkan projek ini kelak pekebun kecil tidak akan mengalami kesusahan untuk memasarkan ayam-ayamnya. Pekebun kecil juga seharusnya diberitahu bahawa beliau pada satu hari terpaksa berdikari. Pengangkutan juga akan menjadi masaalah kepada pekebun kecil untuk memasarkan ayam-ayamnya. Kini RRI menyediakan van RRI untuk mengangkut ayam-ayam itu ke pasaran. Bagaimana selepas RRI meninggalkan projek ini? Satu cara pengangkutan patutlah dirancang bagi memasarkan ayam-ayam itu nanti samada melalui Persatuan Peladang atau lain-lain cara. Tempat pasaran juga menjadi masaalah. RRI biasanya menjualkan ayam-ayam ini kepada kakitangannya di Ibupejabat, Kuala Lumpur atau Pusat Percubaan, Sg. Buluh. Satu 'outlet' baru untuk pemasaran ayam ini mestilah direncanakan samada ke pasaran terbuka atau asrama-asrama sekolah, Instituti Teknologi MARA, Universiti Malaya dan sebagainya.

(c) Soal harga ayam juga merupakan satu perkara penting.

Buat masa ini harga ayam tidak tetap. Harga ayam yang dijual kepada orang ramai mungkin tinggi sedangkan harga ayam yang dijual oleh pemelihara ayam kepada orang-orang tengah rendah. Kalau harga pasaran ini dapat distabilkan walaupun pada peringkat minima, misalnya \$1.40 sekati, maka pemelihara ayam akan mendapat jaminan untuk memaksimakan pengeluaran ayamnya. Menurut Encik Ismail kalaulah harga pasaran ayam itu dapat ditetapkan seperti harga di atas, beliau akan bergembira dan puas hati. Pengkaji mencadangkan agar Kerajaan dapat mengadakan satu peraturan menetapkan harga pasaran untuk ayam yang akan dapat menjamin usaha-usaha pemelihara ayam akan terus berkembang.

(d) Pengkaji juga mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek-projek memelihara ayam atau kambing dan sebagainya ke seluruh pekebun-pekebun kecil getah di dalam negara. Selama ini pekebun-pekebun kecil getah telah dieksploit oleh berbagai-bagai pihak dan mereka telah tertinggal dari segi kemajuan dan perkembangan. Walaupun kawasan getah yang di bawah taraf kebun kecil di Malaysia berjumlah 1 147 700 hektar berbanding dengan kawasan ladang getah yang hanya berjumlah 563 300 hektar (Annual Report RRI 1976) tetapi pekebun-pekebun kecil

getah adalah termasuk dalam golongan miskin di negara ini. Setelah dapat dibuktikan bahawa projek-projek sampingan di kebun getah dapat membantu menambah dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil kenapakah projek-projek begini tidak dipraktikkan ke seluruh pekebun kecil getah dalam negara?

- (e) Untuk menjayakan sesuatu rancangan perubahan kedua-dua pihak iaitu pihak pemberi dan penerima mestilah sama-sama saling bekerjasama untuk menjayakan rancangan tersebut. Di sini pengkaji juga berharap pihak pekebun-pekebun kecil getah seluruhnya harus ingat bahawa Kerajaan atau pihak agen perubahan hanya dapat cuba menyalurkan pembaharuan-pembaharuan tersebut tetapi pihak penerimalah yang harus menyedari bahawa kejayaan juga bererti mereka mesti melibatkan diri dengan sepenuhnya dengan menggunakan faktor-faktor perubahan itu sebaik-baiknya. Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang kalau dia sendiri tidak cuba mengubahnya. Oleh itu pekebun-pekebun kecil getah mesti sedar dan mengambil inisiatif sendiri untuk merebut peluang meningkatkan taraf hidup mereka melalui apa juga jenis rancangan.

Sebagai kesimpulan, pengkaji adalah beranggapan bahawa projek memelihara ayam dalam kebun kecil getah ini adalah satu cara yang baik dan menguntungkan pekebun kecil getah. Di samping ianya melatih pekebun

kecil menjalankan satu projek perdagangan dan dengan ini melibatkan diri dalam ekonomi negara, ia juga dapat meninggikan pendapatan pekebun kecil itu.

Dari perbualan dengan responden, pengkaji mendapati beliau sangat terhutang budi kepada pegawai projek RRI iaitu Encik Choo kerana melalui Encik Choo inilah pekebun kecil ini mendapat pengetahuan dan pengalaman baru iaitu memelihara ayam. Sebelum ini beliau langsung tidak tahu apa-apa mengenai memelihara ayam. Berkat cecal dan tekunnya beliau telah berjaya meneroka suatu bidang yang baru dalam hidupnya. Kalau beliau boleh berjaya dalam projek memelihara ayam dalam kebun kecil ini kenapa tidak pekebun-pekebun kecil lain?



GAMBAR 2. BERAN AYAM PETANG - PERBUKTIAN PROJEK



GAMBAR 1. KEBUN GETAH ENCIK ISMAIL YANG
DITANAM DENGAN GT 1 & RRIM 600



GAMBAR 2. REBAN AYAM PERTAMA - PERMULAAN PROJEK



GAMBAR 3. REBAN ANAK AYAM (NURSERY)



GAMBAR 4. ANAK-ANAK AYAM DALAM NURSERY



GAMBAR 5. AYAM-AYAM YANG SUDAH BOLEH DIJUAL



GAMBAR 6. TAHI AYAM DAN AYAM UNTUK JUALAN



GAMBAR 7. TANKI AIR - INISIATIF PEKEBUN KECIL



GAMBAR 8. REBAN BESAR UNTUK 1000 EKOR AYAM
- INISIATIF PEKEBUN KECIL



GAMBAR 9. KELAPA SAWIT (PENDAPATAN SAMPINGAN)



GAMBAR 10. MENTERNAK KAMBING USAHA SENDIRI

Gred-gred Getah di Malaysia

- RSS 3/4 - 'Ribbed Smoked Sheet' - getah ini sedia untuk diekspot ke luar negeri. Pengeluaran getah RSS 3 ini menunjukkan bahawa pekebun-pekebun kecil tersebut berorganisasi melalui Pusat Getah Berkelompok (GPC-Group Processing Centre) yang dijalankan oleh RISDA (dulunya ditaja oleh RRI).
- USS - 'Unsmoked Sheet' - getah ini bukanlah barangan siap dan perlu diasap dan pekebun-pekebun kecil menjualkan getah USS ini kepada pembeli-pembeli getah atau kilang-kilang SMR di mana getah jenis ini ditukarkan kepada getah SMR atau getah gred-gred lain.
- SMR - Standard Malaysian Rubber. Getah gred ini dikeluarkan oleh kilang-kilang SMR sahaja. Getah SMR ini terpeinci secara teknikal, dijamin oleh pihak pengeluar, grednya tetap (consistency in grade), bentuk persembahannya menarik iaitu dalam bentuk belok - $33\frac{1}{3}$ kilo setiap belok. Diekspot dalam bentuk 1 tonne (metric) yang dibungkus dalam bandela (pallet) yang mengandungi 30 belok SMR. Getah SMR ini terbahagi pula kepada beberapa gred-kecil seperti berikut:

- | | |
|------------------------|---|
| SMR EQ (extra quality) | |
| SMR 5 (latex grade) | <ul style="list-style-type: none"> SMR 5L (light colour) SMR 5CV (constant viscosity) SMR 5LV (constant low viscosity) |
| SMR 10) | |
| SMR 20) | Scrap materials |
| SMR 50) | |

Lain-lain Gred Getah Belok untuk diekspot

OENR - Oil Extended Natural Rubber (certain percentage of processed oil).

Getah gred ini juga dalam bentuk belok yang sedia diekspot.

TR - Tyre Rubber. Getah ini ialah campuran tiga jenis atau gred getah iaitu getah CL (cuplumps), USS (unsmoked sheet) dan latex and oil. Getah jenis ini memberikan dua kegunaan iaitu sedia untuk dijadikan bahan membuat tayar dan juga untuk memberi perkhidmatan kepada keperluan-keperluan pekebun kecil secara menggunakan getah sekerap, getah mangkuk dan getah tanpa berasap yang mereka keluarkan.

7. Nisbet, Robert, Social Change, Oxford University Press, New York, 1972.

8. Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80), Jabatan Cetak Kertas, K.L. 1976.

9. Rubber Production in Malaysia, K.L. 1978.

10. Survey of Rubber Subsidy Schemes, Jabatan Cetak Kertas, K.L. 1978.

BIBLIOGRAFI

1. Abu Asmara Hj. Mohamed, Total Concept Development Project in Segamat, RRIM, K.L. 1977.
2. Annual Report 1976 of RRIM, RRIM, K.L. 1977.
3. Bennis, Benne and Chin (ed.), Planning of Change, Holt, Rinehart & Winston Inc., 1969.
4. Davis, Kingsley, Human Society, Collier-Macmillan International Editors, New York, 1967.
5. Economic Report of Government of Malaysia 1977/78, Government Printers, K.L. 1977.
6. Moore, W.E., Organization and Change, Prentice-Hall of India (Private) Ltd., New Delhi, 1965.
7. Nisbet, Robert, Social Change, Oxford University Press, New York, 1972.
8. Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) (1976-80), Jabatan Cetak Kerajaan, K.L. 1976.
9. Rubber Research Institute of Malaysia, RRIM, K.L. 1978.
10. Sekhar, B.C., Pekebun Kecil - Persatuan Sebagai Saluran Untuk Kemajuan, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, K.L. 1977.
11. Siaran Pekebun, Bil. 69, RRIM, K.L. 1978.